

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic Partners:



Lembaga Muzium Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand



Far Eastern University Philippines



Hanseo University Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail


Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail


Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



WARDINA ADLINA ISMAIL
Virus19

Mixed Media
8 in x 9 in x 8 in
wardinaadlina27@gmail.com



Wardina Adlina Ismail Mohd Zamri Azizan

Virus19

Wabak covid-19 kini melanda di negara kita dan turut memberi kesan kepada negara-negara lain di seluruh dunia. Coronavirus atau dikenali sebagai covid-19 dilihat semakin menular dan menjadi isu utama negara yang perlu ditangani sehabis mungkin oleh masyarakat di Malaysia. Virus ini sangat mudah berjangkit dan tersebar secara langsung dari individu ke individu melalui titisan dari saluran pernafasan yang keluar apabila bercakap, batuk atau bersin. Kadar kebolehtahanan yang tinggi melalui orientasi yang sedemikian perlu dibendung dengan mengamalkan pelbagai prosedur kesihatan yang telah diwujudkan oleh badan berwajib. Hanya kita sahaja sebagai masyarakat yang perlu ada kewarasan diri dalam membuat justifikasi yang wajar dalam apa jua tindak tanduk atau aktiviti yang ingin dilakukan pada masa kini. Biarpun kehidupan kita makin terbatas tetapi apa yang lebih penting di sini sebolehnya kita tersimpang jauh dari dijangkiti selagi kita masih mematuhi prosedur-prosedur amalan kesihatan yang digariskan oleh kerajaan sebaik mungkin.

Penularan virus covid-19 turut mempengaruhi pengkarya dalam menghasilkan pendekatan seni yang baru dalam karya. Pengkarya telah memilih untuk menjadikan struktur virus covid-19 sebagai subjek kajian demi memberi kesedaran kepada rakyat bahawa coronavirus adalah merupakan sesuatu yang berbahaya dan kini telah hampir setahun kita "dijajah" oleh virus tersebut. Penekanan terhadap elemen warna sangat penting pada arca ini. Setiap unsur warna memiliki maksud yang tersendiri oleh itu pemilihan warna amat penting dalam sesebuah karya seni. Pengkarya telah memilih untuk memaparkan paduan warna hitam, merah dan putih sebagai sebahagian interpretasi karya. Hal ini kerana takrifan warna hitam boleh didefinisikan sebagai warna yang bersisi subjektif dan memberikan gambaran tentang kemisterian virus tersebut yang tiba-tiba muncul dan menular. Warna merah pula merupakan tanda

perlu berwaspada setiap masa akan bahayanya Covid-19 ini. Akhir sekali warna putih turut dijadikan pilihan di mana kelebihan adalah lebih mendasarkan untuk mengurangi rasa takut ataupun rasa gusar dan mencipta ketenangan. Oleh itu warna putih dapat ditakrifkan sebagai memberi gambaran bahawa masih ada lagi harapan untuk menghalang wabak covid-19 ini daripada terus melanda negara kita iaitu dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin negara.

Pembentukan arca ini juga turut mengalami pelbagai proses asas yang rumit. Awalnya dimulai dengan pembentukan sfera untuk mentakrif struktur virus covid-19 melalui gabungan pelbagai media utama yang berasaskan kertas. Kertas dilekatkan secara rawak melalui pelbagai saiz cebisan kerana ianya akan memberikan kesan tekstur seperti permukaan yang merekah. Pengkarya juga telah membahagi dua bahagian pada arca ini. Bahagian kiri yang kelihatan bertekstur geometrik dengan aplikasi potongan-potongan mounting board. Manakala di bahagian kanan pula dipenuhi dengan kertas yang keras dan bergulung beberapa kali untuk memberikan visual yang kontra. Arca ini digarap sedemikian rupa demi untuk memberikan satu olahan seni yang baru dalam mengapresiasi struktur virus covid-19 dalam pendekatan visual yang berbeza. Biarpun arca ini distailisasikan pada bentuk seni yang baru namun takrifannya masih kekal dalam mengungkapkan maksud yang lebih terperinci terhadap sifat sebenar virus yang sangat mengerikan insan-insan di dunia ketika ini dan begitu subjektif untuk dibincangkan.

Umum sudah sedia maklum akan bahayanya covid-19 ini namun janganlah kita menjadi "seperti katak di bawah tempurung" yang tidak mengambil peduli akan kesan dan akibatnya pada orang lain jika kita masih melanggar segala peraturan dan prosedur kesihatan yang telah ditetapkan. Memandang entengnya hal ini akan memberikan kesan negatif kepada semua. Menyedari hakikat di atas, dengan ini diharapkan agar kita sebagai rakyat Malaysia wajib bekerjasama dalam menangani isu ini dari terus menular dengan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan demi mengembalikan keharmonian yang sudah tidak lagi dirasai selama ini.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

